



MAGRA 2012

Artikel oleh: Dr Harry Chong Lye Hin

Majlis Anugerah Sekolah Sains dan Teknologi 2012 telah diadakan pada 28 April 2012 di Hotel Nexus Karambunai bagi menghargai pencapaian pelajar cemerlang. Majlis anjuran Persatuan Sciencetech ini telah dihadiri oleh para pelajar dan staf akademik Sekolah Sains dan Teknologi. Antara tetamu kehormat yang hadir termasuklah Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah, Prof. Madya Dr. Baba Musta, Prof. Madya Dr. Kawi Bidin, Prof. Madya Dr. Zaleha Abdul Aziz dan Dr. Saafie Salleh.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Sabah iaitu Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah telah merasmikan majlis ini. Seramai 212 pelajar Sekolah Sains dan Teknologi dari pelbagai program pengajian telah dianugerahkan Anugerah Dekan. Selain penyerahan anugerah, persembahan dari para pelajar dan cabutan hadiah bertuah turut memeriahkan majlis ini.

